



Tanggungjawab dan Peranan Pensyarah UiTM Pahang

Jamaludin Kasim

ABSTRAK

Tugas seorang pensyarah merupakan satu tugas yang mulia dalam memastikan generasi anak bumiputera menjadi manusia yang berilmu dan berakhlak. Sebagai seorang pensyarah kita seharusnya mematuhi segala arahan yang disediakan oleh pihak pengurusan UiTM. Nilai dan etika pensyarah pastinya menggambarkan peribadi yang disanjung tinggi oleh masyarakat dalam menjalankan tugas seharian. Setiap pensyarah semestinya menghayati dan mengamalkan nilai dan etika yang telah digariskan oleh pengurusan UiTM. Kertas kerja ini membincangkan perihal tanggungjawab dan peranan seorang pensyarah UiTM Pahang.

Katakunci: *Pensyarah, tanggungjawab, peranan, ganjaran*

Pengenalan

Mereka yang memegang jawatan pensyarah dianggap menjalankan tugas-tugas mulia di mana mereka berperanan dalam mendidik dan penyampaian ilmu serta maklumat kepada para pelajar supaya menjadi manusia yang berilmu dan berakhlak, dan tidak menjadi manusia yang rakus terhadap kehidupan semata-matanya. Pensyarah boleh diibaratkan sebagai *lilin yang membakar diri menerangi malam yang gelap gelita* sanggup berkorban untuk kepentingan orang lain.

Setiap pensyarah dalam melaksanakan tugas hariannya hendaklah sentiasa mematuhi Nilai dan Etika Pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM). Buku "Nilai dan Etika Pensyarah UiTM" (Anon. 2004) menjadi panduan dalam memastikan setiap pensyarah:

- a. melaksanakan tugas dengan amanah dan penuh tanggungjawab
- b. sentiasa mengamalkan nilai dan etika kerja yang tinggi selaras dengan keperluan universiti, tuntutan agama, bangsa dan negara.

Akujanji

Pada tahun 2002, UiTM mengorak langkah dengan membuat satu lagi pembaharuan di mana setiap staf dikehendaki menandatangani surat Akujanji. Semua staf berjanji akan melaksanakan tugas yang diberikan dan menjaga kerahsiaan yang berkaitan dengan tugas tersebut. Maka sesiapa yang melanggar akujanji tersebut boleh dianggap sebagai engkar dan tindakan disiplin diambil keatasnya. Apabila kita telah melakukan bait/perjanjian maka kita perlulah berpegang pada janji tersebut. Dalam surat akujanji kita berikrar bahawa:

- i. akan sentiasa taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara, Kerajaan dan UiTM;
- ii. akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- iii. tidak akan membelakangkan kewajipan saya kepada UiTM demi kepentingan peribadi;
- iv. tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin boleh menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan kewajipan saya kepada UiTM;
- v. tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah bahawa saya telah membiarkan kepentingan peribadi saya bercanggah dengan kewajipan kepada UiTM sehingga menjejaskan kegunaan saya sebagai seorang pegawai UiTM;
- vi. tidak menggunakan kedudukan saya sebagai pegawai UiTM bagi faedah diri saya sendiri;
- vii. tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama UiTM;
- viii. tidak akan membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan saya atau pegawai lain berhubung dengan atau terhadap UiTM; dan
- ix. tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

Nilai dan Etika Pensyarah

Di dalam buku Nilai dan Etika Pensyarah UiTM (Anon. 2004) setiap pensyarah dikehendaki menghayati dan mengamalkan nilai dan etika berikut:

Integriti, Akuantibiliti, Menghargai masa, Dedikasi, Tawaddhu', Penambahbaikan berterusan, Berdisiplin, Bekerjasama, Kesarjanaan dan Bersyukur.

Tanggungjawab Seorang Pensyarah

Buku Etika dan Nilai Pensyarah UiTM (Anon 2004) menyarankan bahawa setiap pensyarah mestilah melaksanakan tanggungjawab seperti berikut;


- a. *Tanggungjawab kepada profesion*
- b. *Tanggungjawab kepada siswa siswi*
- c. *Tanggungjawab kepada rakan sejawat*
- d. *Tanggungjawab kepada UiTM*
- e. *Tanggungjawab kepada masyarakat dan negara*

Peranan Pensyarah

Pensyarah UiTM (Anon 2004) berperanan seperti berikut:

Tugas Pengajaran

Tugas pengajaran merupakan tanggungjawab hakiki seorang pensyarah UiTM. Ianya diertikan sebagai proses menyampaikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Pensyarah dimestikan mengajar sebanyak 18 jam seminggu paling minima (Rajah 1). Di UiTM, pengajaran tidak terhad kepada memberi syarahan sahaja. Antara lain ianya melibatkan



Rajah 1: Carta Pecahan Tugas Pensyarah

- i. Tugas sebagai pendidik yang berperanan untuk:
 - membentuk akhlak dan budi pekerti di kalangan pelajar
 - menggalak pelajar untuk meningkatkan ilmu pengetahuan
 - menanam serta memupuk semangat mencapai kecemerlangan
 - memberi nasihat dalam perkara-perkara akademik
 - menjadi "role model" dari segi akhlak

- ii. Melibatkan diri dalam tugas bukan pengajaran seperti:
 - pengemaskinian kurikulum dan bahan pengajaran
 - penyediaan, penyeliaan dan pemeriksaan tesis/ujian/peperiksaan
 - penglibatan sebagai ahli jawatan kuasa diperingkat UiTM
 - penglibatan dalam aktiviti sosial diperingkat jabatan/ fakult/cawangan/universiti/masyarakat
 - mewujudkan jaringan hubungan luar dengan pihak industri dan badan professional
 - mewujudkan pusat kecemerlangan
- iii. Pensyarah perlu meningkatkan pengetahuan atau kemahiran selaras dengan keperluan semasa seperti:
 - perkembangan kepakaran, bidang dan profesion
 - metodologi pengajaran terkini
 - psikologi pendidikan, sosiologi dan teknologi pendidikan
 - kemahiran berkomunikasi

Penyelidikan, Perundingan dan Penulisan

Di samping tugas pengajaran, penyelidikan atau perundingan adalah sebahagian tugas yang dituntut kita sebagai pensyarah UiTM. Pihak UiTM juga telah menetapkan bahawa pensyarah DM 45 perlu menjalankan satu penyelidikan sebelum disahkan dalam jawatan. Salah satu objektif kualiti UiTM Pahang sendiri menetapkan sasaran 10 penyelidikan yang didaftar dijalankan setiap tahun, maka kita sepatutnya menerima cabaran tersebut agar sasaran tersebut tercapai setiap tahun.

Dari penyelidikan dan perundingan inilah akan kita terjemahkan dalam bentuk tulisan yang mencambahkan idea-idea dan ilmu-ilmu baru yang dapat kita gunakan dalam tugas pengajaran kita. Rajah 1 adalah cadangan masa-masa yang boleh kita peruntukkan setiap minggu untuk memenuhi masa keberadaan 38.5 jam seminggu.

Khidmat Masyarakat atau Persatuan Professional

Khidmat kemasyarakatan pula boleh di lakukan bersama aktiviti pelajar, aktiviti tempat tinggal ataupun bersama persatuan profesional yang menjadi ahli. Adalah dicadangkan agar pensyarah melibatkan diri sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk tujuan di atas (Rajah 1).

Ganjaran

Upah Bulanan

Seorang pensyarah pada setiap hujung bulan pastinya akan menikmati ganjaran berupa wang sebagai upah selepas melaksanakan tugas nya. Jika diungkap dalam bentuk persamaan ianya akan berupa seperti berikut :

Upah yang dibayar setiap bulan = tugas/tanggungjawab yang kita lakukan pada bulan tersebut

Kita juga boleh mengungkapkan satu persamaan yang membawa maksud sama menggunakan kaitan tadi seperti berikut:

Upahan (RM) = Mengajar + Menyelidik + Menulis + Khidmat Kemasyarakatan + Konsultasi

Maka jelaslah dari persamaan yang dibentuk tadi, seorang pensyarah hanya layak menerima upahan berdasarkan tugas/tanggungjawab yang telah dilaksanakan pada bulan tersebut dan juga sepanjang tahun tersebut. Sesungguhnya kita sering melafazkan kerja itu ibadah tetapi persoalannya sejauh manakah kita menghayati hakikat ini? Apa yang perlu kita fahami sesuatu pekerjaan yang dilakukan secara bersungguh-sungguh, amanah dan bertanggungjawab sudah pasti akan mengundang rahmat dari Pencipta kita. Manakala sesuatu kerja yang dijalankan secara ala kadar, apatah lagi melanggar amanah yang diberikan sudah pasti ia akan mengundang kemurkaan Tuhan dan memastikan mereka akan menerima pembalasan sewajarnya di akhirat (Zulkiflee 2006).


Seyyed Hossein Nasr (1989) mengatakan di kalangan Muslim tradisional terdapat pendirian moral yang tegas mengenai mata pencarian yang halal. Mereka cukup berhati-hati demi memastikan pendapatan yang diperolehi itu sejajar dengan kerja yang disempurnakan sebagaimana yang dipersetujui. Sekiranya pekerja itu menipu sama ada dari segi kuantiti atau mutu kerja yang telah dipersetujui dalam perjanjian, maka hasil pendapatan itu dianggap tidak halal.

Anugerah Cemerlang

Seandainya seorang pensyarah telah melaksanakan tugas sebagai pensyarah sepenuhnya maka dia layak di penghujung tahun ditibangkan sebagai calon untuk mendapat anugerah khidmat cemerlang berdasarkan pencapaiannya di sepanjang tahun tersebut. Walau bagaimanapun ini bukanlah kayu pengukur untuk menilai kecemerlangan. Setiap pensyarah perlu menganggap diri mereka cemerlang jika tugas telah dilakukan dengan sempurna dan bersungguh-sungguh. Jika anugerah cemerlang dijadikan sebagai satu objektif, ianya mungkin akan mengakibatkan perasaan kecewa dan marah jika ianya tidak diperolehi.

Kenaikan Pangkat

Setiap pensyarah mempunyai cita-cita untuk berjaya sebagai seorang pensyarah dan lazimnya boleh diukur dari permulaan ianya mula bekerja sehingga ianya berpencen. Semua pensyarah perlu merancang peningkatan semasa dalam perkhidmatan sebagai pensyarah. Sekiranya tidak berbuat demikian maka pensyarah tersebut boleh dikatakan gagal mengurus kariernya dengan baik. Rajah 2 menunjukkan bagaimana seorang pensyarah perlu merancang masa depannya sendiri.



Rajah 2: Hierarki Pensyarah UiTM

Kesimpulan

Pensyarah adalah satu pekerjaan yang mulia, dalam memberi bakti kepada masyarakat dan melahirkan graduan yang berilmu dan berakhlak. Seorang pensyarah haruslah menghayati nilai dan etika yang tinggi serta memahami peranan dan tanggungjawab nya. Setiap pensyarah wajib menunaikan amanahnya dalam tugas seharian.

Rujukan

Anon. (2004). *Nilai dan Etika Pensyarah UiTM*.

Seyyed Hossein Nasr. (1989). *Etika Kerja dalam Tradisi Islam*. Nurin Enterprise.

Zulkiflee Bakar. (2006, Jun 6). Wajib Tunai Amanah dalam Pekerjaan. *Utusan Malaysia*, m.s. 10.